

**MIC Kedah Setuju Tindakan Ke Atas Pelaku Biadab Himpunan Janji Demokrasi
Bernama
7 September, 2012**

PADANG SERAI, 7 Sept (Bernama) -- MIC Negeri Kedah mengalu-alukan tindakan tegas kerajaan ke atas pelaku-pelaku biadab yang memijak gambar pemimpin negara dan insiden "bendera baharu" pada perhimpunan 'Janji Demokrasi' semasa sambutan ambang merdeka di Kuala Lumpur, 30 Ogos lepas.

Pengerusinya, S Ananthan memuji ketegasan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang mengambil tindakan tanpa memilih bulu atau memihak kepada sesiapa tanpa dipengaruhi sentimen politik berhubung insiden itu.

"MIC Negeri Kedah bersetuju supaya suspek yang ditahan polis atau menyerah diri dihadapkan ke muka pengadilan segera dan menerima hukuman setimpal", katanya kepada pemberita di sini, Jumaat.

Bagaimanapun, Ananthan berkata tindakan yang hendak diambil ke atas pelaku biadab yang turut memaki hamun pemimpin negara itu perlulah berlandaskan peruntukan undang-undang.

"Mereka boleh dianggap sebagai pengkhianat negara yang suka membuat provokasi menghina pemimpin dan negara. Mereka mungkin disuruh oleh pihak-pihak tertentu yang sengaja mahu mengadu-domba orang ramai," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692876>